

CNS2441

R GB 18-02 00208 BA970

Bah

Mahathir - Impian

(EMBARGO: untuk siaran selepas pukul 10 malam ini)

-----

T

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata impian masa depannya bukan bagi Malaysia meninggalkan industri getah, timah dan kelapa sawit dan mewujudkan pusat-pusat urbanisasi kecil di luar bandar tetapi untuk menanam pokok getah dan kelapa sawit dengan lebih efisien dan menggunakan tenaga buruh yang sedikit.

Perdana Menteri menyifatkan kaedah sekarang yang menggunakan banyak pekerja untuk mengoreh pokok getah sebagai +terlalu tidak efisien+.

Apa yang perlu dilakukan oleh Malaysia ialah untuk menoreh pokok getah dengan hanya menekan suis pada waktu pagi dengan mendawaikan pokok-pokok itu dan melekatkan tiub ke setiap pokok, katanya.

+Pada sebelah pagi, kita hanya perlu menekan suis. Pisau atau pin akan mengoreh pokok itu dan sekarang mereka telah menggunakan gas methane untuk menyimpan susu getah dan ia mengalir ke dalam tiub yang kemudian dipam terus ke kilang. Tidak ada pekerja diperlukan untuk memungut susu getah itu,+ katanya dalam rancangan +Wawancara Khas dengan Perdana Menteri+ yang disiarkan melalui Televisyen dan Radio Malaysia (RTM) malam ini.

+Ini bukan satu idea yang ajaib kerana Institut Penyelidikan Getah telah memulakan kerja ke arah itu,+ katanya. -- Lagi.

♥18/02/18-50MST

CNS2442

R GB 18-02 00187 BA971

Bah

Mahathir - Impian 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa kebimbangannya mengenai Malaysia terlalu awal menjadi negara perindustrian baru (NIC) tidak bermaksud untuk menyekat proses perindustrian negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau hanya membantah istilah NIC dan klasifikasi ke atas negara-negara membangun dan menambah bahawa tidak ada sebab kenapa sebuah negara yang pesat membangun perlu dipanggil sebagai negara NIC.

+Negara-negara maju akan memaksa kita supaya menilai semula mata wang kita dengan tujuan menjadikan kita kurang mempunyai daya saingan. Mereka akan menyiasat rekod hak asasi kita, pergerakan buruh dan alam sekitar... kesemuanya direka semata-mata untuk menghalang pertumbuhan ekonomi kita supaya kita tidak dapat bersaing dengan mereka,+ katanya.

Beliau mengkritik negara-negara maju kerana mewujudkan klasifikasi itu yang hanya membenarkan mereka memperolehi wang dan bagi pekerja mereka memperolehi pendapatan lumayan agar tidak membenarkan negara-negara kurang maju menandingi mereka.

+Mereka gagal berbuat demikian kepada Jepun. Mereka tidak menyedarinya, tiba-tiba Jepun berada di paras yang sama dengan mereka. Tetapi mereka akan memastikan tidak ada negara lain yang dapat mencapai status seperti Jepun,+ tambahnya. -- Lagi.

♥18/02/18-51MST

CNS2474

R GB 18-02 00107 BA975

Bah

Mahathir - Impian 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia perlu bersedia untuk ketika apabila mereka akan hilang status Sistem Keutamaan Am (GSP) yang membenarkan beberapa barangan eksportnya memasuki pasaran negara-negara perindustrian dengan tidak dikenakan cukai.

+Kita perlu menyiapkan diri bagi hari itu. Sudah tentu orang akan mengambil balik keistimewaan-keistimewaan kita seperti GSP,+ katanya.

Ini boleh dilakukan dengan menjadikan negara ini lebih efisien, katanya.

Beliau berkata Malaysia memerlukan GSP bagi membolehkannya bersaing di peringkat awal tetapi jika GSP itu ditarik balik terlalu awal, mungkin negara ini tidak berdaya untuk mengatasinya. -- Bernama.

♥18/02/19-19MST